



سَمِينَةُ عِبَادَةِ كَرْبَانَ

Seminar Ibadat Korban

رُفْعَةُ كَرْبَانِيَا
جِبَاتِنِ مَفِي كَرْبَانِيَا
جِبَاتِنِ كَرْبَانِيَا

17 ذُو الْقَعْدَةِ 1426 / 19 سِينَمْبَر 2005

UCAPTAMA

YANG BERTHORMAT
PEHIN DATU SERI MAHARAJA DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG ABDUL AZIZ BIN JUNED
MUFTI KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Ucaptama dan Perasmian

YANG BERHORMAT

PEHIN DATU SERI MAHARAJA DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG ABDUL AZIZ BIN JUNED

Mufti Kerajaan
Negara Brunei Darussalam
dalam
Seminar Ibadat Korban

Pada:

17hb. Zulkaedah, 1426

19hb. Disember, 2005

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ ،

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَالِمِ الْقَائِلِ : وَأُبْدِنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِّنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ
فَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صِرَافًا فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْقَائِلَ
وَالْمُعْتَرَّ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ،¹ وَالْقَائِلِ : فَصَلِّ لِرَبِّكَ
وَاتَّخِرْ،² أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْقَائِلِ : مَا مِنْ نَفَقَةٍ بَعْدَ صَلَاةِ
الرَّحْمِ أَفْضَلُ وَأَعْظَمُ أَحْرًا مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ أَيَّامِ النَّحْرِ. ³ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَا بَعْدُ.

¹ Surah al-Hajj(22) :36.

² Surah al-Kawtsar(108):2.

³ Hadis riwayat ad-Dailami daripada Ibn Abbas

Dalam kesempatan ini saya ingin sedikit menyentuh tentang pengertian korban dari sudut khusus dan umum. Saya tidak akan menyentuh mengenai hukum hakamnya kerana saya percaya perkara ini akan diperkatakan oleh para pembentang kertas kerja seminar.

Hadirin yang dihormati

Pengertian dan amali berkorban telah lama kita kenali, iaitu semenjak kita mengetahui adanya perintah berkorban. Apabila kita mendengar perkataan berkorban, perhatian kita secara khusus akan tertumpu kepada amali yang diperintahkan pada hari Raya 'Id al-Adha dan hari-hari tasyriq, iaitu menyembelih binatang ternak dan seterusnya membahagi-bahagikannya kepada yang patut menerimanya.

Orang yang mampu akan melaksanakan perintah ini dengan tulus hati. Mereka berkorban, semata-mata kerana mengekalkan syi'ar korban, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ،
وَأَيْدِنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِّنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ فَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا
صَوَافٍ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاهَا
لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ،⁴

Tafsirnya:

“Kami telah jadikan untuk kamu unta-unta itu sebahagian dari syi'ar Allah, kamu boleh memperoleh kebajikan yang banyak padanya, maka sebutlah nama Allah ketika kamu menyembelihnya dalam keadaan berdiri. Kemudian apabila telah roboh (mati), maka makanlah sebahagiannya dan berilah makan pada orang yang rela dengan apa yang ada padanya dan orang yang meminta. Begitulah Kami menjinakkannya kepada kamu semoga kamu bersyukur”.

⁴ Surah al-Hajj(22) :36.

Berdasarkan ayat ini, berkorban dengan menyembelih binatang ternak adalah merupakan syi'ar agama Allah Ta'ala, serta tanda bertakwa seorang hamba yang melakukannya. Firman Allah:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ،
لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَائُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ...⁵الآيَةَ

Tafsirnya:

"Daging korban dan darahnya tidak sekali-kali dapat mencapai (reda) Allah, akan tetapi ketakwaan daripada kamulah yang dapat mencapainya".

Ya, ibadah berkorban ialah syi'ar agama Allah, dan dalam masa yang sama ia juga boleh menggembirakan orang-orang Islam menerusi dagingnya.

Alhamdulillah, selama ini kita telah turut memberi saham mengekalkan syi'ar ini, dan insyaallah akan terus melakukannya semata-mata kerana menjunjung titah perintah Allah mengenainya.

Hadirin yang dihormati

Pada zaman mutakhir ini, pada zaman keterbukaan dan kebebasan berfikir ini, ada pendapat mengenai manfaat korban lebih sesuai diambil kira daripada semata-mata soal syi'ar. Dalam makna lain, daging korban patutlah digantikan dengan nilai wang untuk dibahagi-bahagikan kepada penerimanya, dengan alasan. daging sudah amat lumrah dan malah senang diperolehi. atau memang bagi setengah orang tidak memerlukan langsung daging. kerana adanya penyakit dan seumpamanya.

Ini, menurut pendapat tersebut akan lebih menggembirakan mereka yang menerimanya, kerana dapat digunakan bagi keperluan yang lebih dihajati.

⁵ Surah al-Hajj(22):157

Adakah pendapat seperti ini selari dengan ajaran agama Islam, iaitu cukup dengan memberi nilai atau harga binatang korban tanpa melakukan penyembelihan binatangnya?

Logik mungkin merestuinnya, kerana dianggap sesuai dengan zaman dari segi kemanfa'atan.

Tetapi apakah pendapat ulama mengenainya?

Ulama yang arif telah tidak bersetuju dengan pendapat itu. Mereka lebih melihat sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh akal.

Mereka berpendapat korban tidak boleh ditukar dengan nilai atau harga untuk tujuan memenuhi keperluan fakir miskin yang memerlukannya. Mereka melihat tujuan ibadat korban itu memang untuk menumpahkan darah haiwan. Sekiranya tujuan ini ditukar dengan harga, nescaya tidak akan ada lagi orang yang berminat melakukan penyembelihan ibadah korban, sedangkan amalan ini adalah syi'ar Islam yang jelas, yang tersirat dari peristiwa Nabi Ibrahim 'alaihissalam menyahut perintah Allah Ta'ala supaya menyembelih anak Baginda, Nabi Ismail 'alaihissalam.

Syi'ar mesti dipertahankan sekalipun kelihatannya kecil sebesar habuk. Syi'ar apabila dikaitkan dengan Islam, terjemahannya adalah kepada Islam itu sendiri.

Cuba sama-sama kita perhatikan hadis ini:

ما عَمِلَ آدَمِيٌّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ التَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعُ مِنَ الْأَرْضِ فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا.⁶

Maksudnya:

⁶ Hadis hasan ditakhrij at-Tirmizi daripada 'Aisyah.

Maksudnya:

“Tiada amalan yang lebih dikasihi oleh Allah daripada sembelihan korban. Sembelihan itu datang pada Hari Kiamat dengan tanduk, kuku dan bulunya. Darah korban mendapat tempat di sisi Allah sebelum lagi ia sempat jatuh ke bumi. Oleh sebab itu elokkanlah korban kamu”.

Ini menunjukkan, ibadat korban itu tidak habis di sini sahaja. Dan juga bukanlah soal daging atau nilai semata-mata, malahan kehadiran sembelihan korban dengan kuku, tanduk dan bulu adalah menjadi ukuran. Yakni inilah dia sya’ar. Dan apabila syi’ar itu dihayati selaku ibadat, maka kemenfa’atannya akan diterima pada Hari Kiamat kelak. Nah, kalau begitu, manakala syi’ar (menyembelih korban) ini tidak dilakukan, sebaliknya diganti dengan mengeluarkan nilainya sahaja, sudah barang tentu apa yang dijanjikan didalam nas hadis di atas tidak akan berlaku pula.

Penyembelihan korban, kalau boleh, elok disaksikan oleh ahli keluarga serta anak-anak remaja, kerana di sebalik syi’ar ini terkandung pendidikan yang amat berharga. Ia mengasuh jiwa muda supaya berani. Orang-orang yang tidak pernah menyaksikan penyembelihan haiwan-haiwan, mungkin sahaja, apabila berhadapan dengan detik-detik kecemasan, mereka akan takut dan panik. Inilah satu lagi hikmah ibadat korban. Disamping menanam semangat suka berkorban, ia juga menjadi penawar kepada sifat-sifat bakhil dan penakut.

Itulah pengertian secara khusus ibadat korban. Ia adalah satu syi’ar. Tujuan dan hikmahnya adalah tersendiri. Kerana itu ia tidak patut ditukar ganti. Ia mestilah dikekalkan dalam bentuknya yang asal itu.

Hadhirin sekalian,

Namun secara umum, pengertian berkorban boleh sahaja diluaskan. Di dalam bahasa, berkorban itu boleh merangkumi: Berkorban nyawa, benda, waktu, perasaan dan seumpamanya.

Kesemua pengertian ini jika dilakukan kerana Allah, akan mendatangkan ganjaran pahala.

Amali berkorban bermakna amali mendapatkan ganjaran pahala. Ganjaran itu pula lebih bernilai daripada harga apa yang dikorbankan.

Ia setidaknya terbahagi kepada dua: Pengorbanan wajib dan pengorbanan sunat. Yang wajib itu ialah seperti zakat, dan yang sunat pula seperti sedekah sunat, haji sunat dan korban sunat. Semuanya ini memerlukan pengorbanan harta benda dan masa.

Dari dahulu sampai sekarang, pengorbanan dalam bentuk umum ini tidak pernah berhenti dibuat orang. Misalnya sahaja, dalam sepanjang zaman, berapa ramai orang yang berkorban melakukan ibadat haji sunat? Walaupun namanya haji sunat, namun pengorbanan disegi mata benda dan masa adalah sama sahaja dengan haji wajib. Yang penting, pelakunya akan merasa puas, kerana hajatnya untuk mendapatkan pahala haji sunat itu tercapai, sekalipun pengorbanan begitu besar.

Sehubungan ini ada pemikiran: Apakah tidak wajar jika pengorbanan (perbelanjaan) untuk haji sunat itu digantikan bagi menolong orang-orang yang susah yang memerlukannya, atau membina masjid, atau sekolah, atau membantu kanak-kanak miskin melanjutkan pelajaran mereka dan seumpamanya?

Ini juga amat besar pahalanya. Malah pahala itu akan terus mengalir kepadanya selama mana kesan pengorbanannya masih wujud dan utuh. Ini mungkin sahaja lebih lumayan berbanding pahala haji sunat. Sabda Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam :

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ. وَعِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ. وَوَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ.⁷

Maksudnya:

⁷ Hr.at-Tirmizi daripada Abi Hurairah.

Maksudnya:

“Apabila manusia mati, maka terputuslah amalnya melainkan tiga perkara, iaitu sedekah yang terus mengalir pahalanya, ilmu yang bermanfaat dan anak yang salih yang mendoakannya”.

Di sini ada sebuah kisah benar yang berlaku dikalangan orang-orang salih:

Abdullah bin al-Mubarak, beliau ini kebiasaannya, setahun dia pergi haji dan setahun pula berjihad di jalan Allah. Misalnya pada tahun 2005 ini dia naik haji, dan tahun 2006 pula dia berjihad fisabilillah. Pada tahun 2007 naik haji lagi dan tahun 2008 berjihad. Begitulah seterusnya dia menggilir-gilir tahun demi tahun dengan naik haji dan berjihad.

Pada satu tahun itu gilirannya ialah untuk naik haji. Satu malam, dia keluar untuk menemui kawan-kawannya dengan tujuan untuk mengucapkan selamat tinggal kepada mereka, kerana pada esoknya dia hendak meninggalkan tanah air menuju Baitullahil Haram. Di dalam kesamaran malam dia ternampak seorang perempuan sedang menggendong beberapa ekor ayam mati dengan kepala-kepala ayam-ayam itu tejuntai ke tanah. Dia menghampiri perempuan tersebut sambil bertanya:

“Apakah yang puan lakukan ini?” Perempuan menjawab *“Tolong jangan tanya, tinggalkan sahaja makhluk dengan khaliqnya (Maha Pencipta).”* Yakni perempuan ini tidak suka ditanya-tanya, tidak perlu orang lain tahu, tetapi cukup dia dan Allah sahaja yang mengetahuinya.

Abdullah bin al-Mubarak tetap mengarasi ingin tahu juga. Sehingga pada akhirnya perempuan tersebut pun dengan berat hati memberitahunya:

“Saya adalah ibu kepada 4 orang anak yatim perempuan. Keadaan kami sungguh-sungguh susah. Tidak ada satu hati

atau satu jiwapun yang bersimpati kepada saya dan kepada anak-anak saya. Kerana itu bangkai yang saya gendong ini sudah jadi halal untuk kami, kerana Allah ada berfirman:

فَمَنْ أَضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِآثِمِ فَإِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ⁸

Tafsirnya:

“Maka barang siapa yang terpaksa kerana lapar (untuk memakan benda-benda yang diharamkan) sedang dia tidak cenderung untuk melakukan dosa (maka bolehlah dia memakannya), kerana sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun Lagi Maha Mengasihani.”

Mendengar ini, Abdullah bin al-Mubarak seperti tidak dapat menguasai dirinya. Hampir-hampir sahaja dia terjatuh oleh kerana terlampau kasihan, lalu diseluknya ke dalam jubahnya uncang berisi wang emas 50 dinar. Wang ini ialah untuk belanjanya naik haji pada tahun itu, sambil mengunjuk uncang dia berkata:

: خذى هذا المال يا أمة الله، ولا داعى للحج هذا العام، الأفواه

الجائعة، أولى بالصدقات من بيت الله الحرام،

Ertinya:

“Ambillah wang ini, wahai hamba Allah! Tidak penting haji untuk tahun ini. Mulut-mulut yang lapar adalah lebih utama menerima sedekah daripada Baitullahil Haram.”

Duduklah Abdullah bin al-Mubarak di rumahnya. Dia tidak keluar kecuali ke masjid untuk sembahyang. Keadaan ini berterusan sehinggalah pulang kawan-kawannya setelah selesai menunaikan haji. Yang hairannya, tiap-tiap mereka yang pulang ini membawa cerita, bahawa mereka ketika di Mekah ada bersama-sama Abdullah bin al-Mubarak dan malah Abdullah

⁸ . Surah al-Ma'idah ayat 3.

bin al-Mubarak menurut mereka telah menyampaikan kuliah-kuliah ilmu di sana. Subhanallah, mana mungkin satu jasad berada di dua tempat dalam satu masa? Ini, membingungkan Abdullah bin al-Mubarak sendiri. Lalu dia berdo'a:

اللهم بَيِّنْ لِي فِي مَنَامِي مَا يَطْمَعُنْ بِهِ قَلْبِي، أَنَا هُنَا فِي بَيْتِي، فَكَيْفَ انْتَقَلْتُ إِلَى
بَيْتِ اللَّهِ الْحَرَامِ؟ بَلْ وَكَيْفَ كُنْتُ أَقْرَمُ بِتَدْرِيسِ الْعِلْمِ لِهَؤُلَاءِ؟

Ertinya:

“Ya Allah berilah aku petunjuk dalam tidurku apa yang dengannya akan menenangkan jiwaku. Aku di sini dalam rumahku, bagaimanakah mungkin aku berpindah ke Baitullahil Haram? Bagaimakah juga aku dapat mengajarkan kepada mereka itu ilmu? “

Malam itu Abdullah bin al-Mubarak tidur. Dia bermimpi didatangi oleh seseorang. Dahi orang itu bercahaya dan mukanya berseri-seri. Orang itu berkata kepadanya:

: أتدرى من أنا يا

عبد الله؟ أنا محمد رسول الله. أنا محمد، أب محمد رسول الله، حبيبك في الدنيا وتفتيحك يوم القيامة، وسن رأني في المنام فقد رأني حقاً، فإن الشيطان لا يتمثل في صورتي. يا عبد الله، أنجلك الله من خزي الدنيا، كما أنجيت أم اليتامى، إن الله قد كتب لكل حاج ثواب حجة واحدة، وكتب لك ثواب سبعين حجة، وإن الله قد خلق ملكاً من الملائكة على صورتك، كان يجلس مع أهل بلدك أينما حلوا وحيثما ارتحلوا، ويقرا عليهم علماً من علوم الإسلام.

Ertinya:

“Adakah engkau tahu siapa saya, wahai Abdullah? Saya adalah Muhammad Rasulullah, kekasih engkau di dunia dan penolongmu (pemberimu syafa'at) pada hari kiamat. Barangsiapa yang melihat saya dalam tidurnya, dia itu, melihat saya yang sebenarnya. Sesungguhnya syaitan tidak dapat menyerupai rupa saya. Wahai Abdullah, Allah telah menyelamatkan engkau dari kesusahan dunia, sebagaimana engkau menyelamatkan ibu kepada anak-anak yatim. Sesungguhnya Allah telah menulis untuk sekali haji ialah satu

pahala haji, tetapi Allah telah menulis untukmu 70 pahala haji. Dan Allah telah menjadikan seorang Malaikat dari kalangan para Malaikat menyerupai rupamu, untuk duduk bersama-sama jemaah negaramu, di mana juga mereka berada dan bergerak (di Tanah Haram), dan membacakan (mengajarkan) kepada mereka ilmu-ilmu Islam.”

Mengapakah semua ini terjadi? Jawabnya ialah, kerana Abdullah bin al-Mubarak telah memberi makan perut-perut yang lapar dan menutup aib mereka.

Itulah satu contoh pengorbanan. Contoh ini dapat dijadikan panduan bagaimana kita harus memberikan keutamaan kepada satu-satu ibadat sunat itu. Dalam contoh ini, siapakah boleh menyangkal akan kehebatan pahala haji, tetapi rupa-rupanya pahala melepaskan orang Islam daripada kesusahan seperti yang dialami oleh janda dan anak-anaknya itu adalah lebih hebat lagi. Jika Abdullah bin al-Mubarak pergi haji juga dengan wangnya 50 dinar itu, dia cuma akan mendapat satu pahala haji sunat sahaja. Tetapi apabila dia berkorban membatalkan haji sunatnya dengan mendedahkan kesemua wangnya untuk naik haji itu, dia telah mendapat, sebagai gantinya, bukan satu pahala haji tetapi ialah 70 pahala haji itu.

Apa yang saya mahu tegaskan di sini ialah, lain-lain ibadat sunat yang berupa pengorbanan boleh sahaja kita timbang-timbang atau tengok-tengok mahu tukarkah? atau ganti menurut keutamaan, tetapi ibadat sunat berkorban pada hari raya ‘Idil Adha janganlah ditukar-tukar. Ibadat ini adalah satu ciri khusus sebagai syi’ar yang telah disyariatkan.

Untuk akhirnya, dengan memuji Allah, alhamdulillah, selawat dan salam keatas Rasul-Nya, Sayyidina Muhammad Shallallahu ‘alaihi wasallam, maka saya rasmikan **SEMINAR IBADAT KORBAN** anjuran dan kendalian Jabatan Mufti Kerajaan pada 17 Zulkaedah, 1426 bersamaan 19 Disember, 2005.

* * *